

Kata Kana dan Derivasinya dalam Bahasa Arab

Kata *kana* (كَانَ) datang dengan ciri khusus yang berbeza daripada kalimah Arab yang lain. Para sarjana linguistik Arab berpendapat bahawa ada kata setugas (أَخَوَاتُ كَانٍ) untuk kata كَانٍ seperti بَاتَ, أَضْحَى, أَمْسَى, أَصْبَحَ dan yang selainnya. Pada masa yang sama, para sarjana mengategorikan kata كَانٍ dalam الأَفْعَالُ النَّاقِصَةُ, iaitu kata kerja yang kurang sempurna.

Meskipun kata كَانٍ bercirikan kata kerja, namun kalimah ini tidak menuntut elemen pelaku (fa'il) sebagaimana kata kerja Arab yang selainnya. Oleh sebab itu, kata كَانٍ dan derivasinya diterjemahkan dalam bahasa Melayu sebagai "ialah", "adalah", "telah", "menjadi" dan kadangkala tiada terjemahan apabila laras sebegini tidak menyerlahkan ciri suatu perlakuan.

Firman Allah dalam ayat 2 Surah al-Baqarah (...كَانُوا هُودًا أَوْ نَصَارَى...) diterjemahkan oleh Abdullah Basmeih: "... mereka ialah golongan Yahudi atau Nasrani ..." . Ayat ini mengandungi kata كَانُوا yang bercirikan fiil *madi* dengan *damir* هُمْ (mereka). Maka itu, tidak hairanlah apabila kalimah tersebut diterjemahkan sebagai *mereka ialah*. Kata كَانٍ yang bercirikan fiil *madi* datang dengan variasi polanya seperti yang berikut:

Jadual Pola kata كَانٍ.

| Fiil amr | Fiil mudari' | Fiil madi | Damir |
|----------|--------------|-----------|-----------|
| | يَكُونُ | كَانَ | هُوَ |
| | يَكُونَانِ | كَانَا | هُمَا |
| | يَكُونُونَ | كَانُوا | هُمْ |
| | تَكُونُ | كَانَتْ | هِيَ |
| | تَكُونَانِ | كَانَتَا | هُمَا |
| | يَكُنَّ | كُنَّ | هُنَّ |
| كُنْ | تَكُونُ | كُنَيْتَ | أَنْتَ |
| كُونَا | تَكُونَانِ | كُنْتُمَا | أَنْتُمَا |

| | | | |
|---------|------------|-----------|-----------|
| كُونُوا | تَكُونُونَ | كُنْتُمْ | أَنْتُمْ |
| كُونِي | تَكُونِينَ | كُنْتِ | أَنْتِ |
| كُونَا | تَكُونَانِ | كُنْتُمَا | أَنْتُمَا |
| كُنَّ | تَكُنَّ | كُنْتُنَّ | أَنْتُنَّ |
| | أَكُونُ | كُنْتُ | أَنَا |
| | تَكُونُ | كُنَّا | نَحْنُ |

Jadual menunjukkan kepelbagaian derivasi kata كَانٍ yang datang dengan kata ganti nama tertentu. Secara dasarnya, kata كَانٍ menuntut dua elemen dalam satu ayat, iaitu isim *kana* (subjek) dan *khavar kana* (predikat).

Pada hakikatnya, kaedah penentuan isim *kana* selari dengan pendekatan pengesanan elemen *fa'il*, iaitu isim *marfu'* jika *damir* yang melatari kata كَانٍ ialah هُوَ atau هِيَ. Sekiranya *damir* yang melatari kata كَانٍ selain dua *damir* berkenaan, maka isim *kana* bercirikan *damir* yang tersembunyi dalam kata كَانٍ.

Selain itu, *khavar kana* berunsur isim *mansub* dengan variasi tandanya. Misalnya firman Allah SWT dalam Surah al-Isra' ayat 15, (وَكَانَ الْإِنْسَانُ عَجُولًا) yang bermaksud, "Dan tabiat manusia adalah terburu-buru." Ayat ini mengandungi kata كَانٍ, maka oleh sebab itu, adanya isim *marfu'* الْإِنْسَانُ (tabiat manusia) yang bercirikan subjek *kana*, manakala isim *mansub* عَجُولًا (terburu-buru) berunsur predikat *kana*.

Namun begitu, tidak dinafikan bahawa predikat *kana* dalam al-Quran datang dengan variasi larasnya, iaitu predikat bercirikan ayat الْجُمْلَةُ الْفِعْلِيَّةُ atau frasa kerja. Contohnya, ayat 75 Surah al-Ma'idah, (كَانَا يَأْكُلَانِ الطَّعَامَ) terdapat kata كَانَا dengan *damir* هُمَا [mereka berdua (Nabi Isa dan Maryam)] yang berfungsi sebagai subjek *kana*. Predikatnya ialah perlakuan memakan (يَأْكُلَانِ) yang bercirikan *jumlah fi'liyah*. Ayat 23 Surah al-Baqarah, (كُنْتُمْ فِي رَيْبٍ) mengandungi kata كُنْتُمْ yang bercirikan fiil *madi* dengan *damir* أَنْتُمْ. Maka itu, subjek *kana* ialah *damir* tersebut (kalian) dan predikatnya frasa *jar* فِي رَيْبٍ (dalam keraguan), iaitu gabungan antara partikel *jar* (فِي) dengan kata nama (رَيْبٍ).